

A Tuliskan jawapan yang betul berdasarkan gambar.

- ☆ Ayah, bolehkah saya keluar bermain dengan Zura?
- ☆ Adik, tolong simpan gunting itu di dalam laci.
- ☆ Aida, tolong siram pokok-pokok bunga itu.
- ☆ Silakan minum, ayah.

1



2



3



4



Bacaan

Band 3 Membaca pelbagai jenis ayat dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta memahaminya

Menguasai / Belum Menguasai

B Lengkapi cerita di bawah berdasarkan perkataan yang diberi.

menjahit	membaca	menonton	menyusun
minum	bermain	berbual	gembira

Pada hujung minggu, keluarga kami suka berehat di rumah. Ayah suka ① _____ surat khabar manakala ibu sibuk ② _____ baju baharu untuk adik. Kakak ③ _____ buku-buku dan majalah yang berselerak di atas lantai sementara abang asyik ④ _____ televisyen. Adik pula leka ⑤ _____ dengan kereta mainan yang baru dibeli oleh ibu. Datuk dan nenek ⑥ _____ sambil ⑦ _____ air kopi. Kami berasa ⑧ _____ dapat menghabiskan masa bersama.